

07 JAN 2004

Abdullah-Lawatan

ABDULLAH LAWAT INDONESIA UNTUK TINGKAT HUBUNGAN

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi akan berlepas ke Jakarta esok untuk lawatan sehari bagi memulakan

jelajah menemui rakan-rakan sejawatnnya dalam Asean, selepas mengambil alih

tugas itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, 31 Okt lepas.

Sudah menjadi kelaziman bagi pemimpin baru negara anggota Asean melakukan kunjungan hormat ke atas pemimpin negara anggota lain.

Walaupun Abdullah mengunjungi Brunei bulan lepas untuk majlis Hari Raya

bersama Sultan Hassanah Bolkiah, lawatannya ke Indonesia sangat signifikan

dan penting dalam meningkatkan hubungan persahabatan antara kedua-dua

negara.

Abdullah yang akan diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar,

akan mengadakan hubungan dua hala dalam pelbagai isu bersama Presiden

Megawati Sukarnoputri di Istana Presiden sebaik tiba.

Perjumpaan itu merupakan pertemuan kedua antara mereka selepas mesyuarat pertama di Tokyo bulan lepas semasa kedua-dua pemimpin itu menghadiri Sidang Kemuncak Asean-Jepun.

Menteri Luar Indonesia Hassan Wirayuda berkata walaupun lawatan itu

merupakan amalan biasa bagi pemimpin negara Asean, ia penting kepada Indonesia yang mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin akan mengadakan perbincangan terbuka

tanpa mempunyai agenda khusus untuk dibincangkan.

Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Hamidon Ali juga berkata tidak

ada agenda khusus untuk dibincangkan, hanya susulan kepada isu-isu yang

dibangkitkan pada mesyuarat-mesyuarat sebelum ini antara pemimpin kedua-dua

negara.

Beliau berkata yang pastinya banyak perkara yang hendak diselesaikan

oleh Malaysia dan Indonesia bagi meningkatkan hubungan dua hala, namun isu

tunggal terpenting yang perlu diselesaikan ialah mengenai pendatang tanpa

izin Indonesia.

Ribuan pekerja Indonesia mencari rezeki di Malaysia dengan

kebanyakannya bekerja tanpa permit terutama dalam sektor pembinaan dan perladangan yang telah menimbulkan masalah undang-undang dengan pihak berkuasa Malaysia.

Malaysia menghantar pulang beribu-ribu pekerja tanpa izin, kebanyakannya warga Indonesia, sejak tahun lepas dalam usaha untuk memaksa mereka mendapatkan dokumen sah dan permit kerja jika ingin kembali ke Malaysia.

Hamidon berkata kerajaan kedua-dua negara sedang memuktamadkan Memorandum Persefahaman yang akan membantu menangani isu pekerja asing.

Sebelum pulang, Abdullah juga akan menemui pegawai dagang Malaysia di Jakarta pada jamuan teh yang akan diadakan di Kedutaan Malaysia.

-- BERNAMA

OPP AHH LAT